

**PKR Namakan Calon Berpotensi Bagi Kerusi Parlimen Kanowit
Bernama
5 Januari , 2012**

SIBU, 5 Jan (Bernama) -- Parti Keadilan Rakyat (PKR) telah menamakan guru bersara Thomas Laja sebagai calon berpotensi dalam pilihan raya umum akan datang di Sarawak bagi kerusi Parlimen Kanowit yang dipegang oleh Datuk Aaron Dagang daripada Barisan Nasional (BN) yang menang tanpa bertanding pada pilihan raya umum 2008.

Laja berasal dari Nanga Jagau di bahagian pedalaman Ngemah di Kanowit, diperkenalkan hari ini pada persidangan akhbar mingguan oleh Pengerusi PKR Bahagian Lanang George Chen.

Chen berkata beliau merasakan pertandingan bagi kerusi itu bukan satu lawan satu antara PKR dan BN kerana calon bebas dijangka akan turut bertanding.

Kanowit adalah kerusi majoriti kaum Iban di luar bandar, yang pernah disandang oleh pemimpin politik Iban Tan Sri Leo Moggie, yang telah bersara dan kini merupakan Pengerusi Tenaga Nasional Berhad.

Sementara itu, Timbalan Presiden PKR Azmin Ali, Naib Presiden Tian Chua dan Ketua Wanita Zuraida Kamarudin dijangka menghadiri satu perhimpunan di Kanowit pada 20 Januari depan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=638123>